

NO. SOALAN : ¹⁵²~~150~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU
MANSUR [SILAM]**

SOALAN :

YB. Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan Muzium Pantai Timur Sabah di Parlimen Silam, memandangkan banyak bahan sejarah awal yang menunjukkan kemunculan Islam bermula di Lahad Datu.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebarang perancangan bagi menubuhkan Muzium Pantai Timur Sabah adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, Kementerian ini melalui Jabatan Muzium Malaysia bersedia memberikan khidmat nasihat berkaitan penubuhan muzium tersebut sekiranya diperlukan. Pembangunan muzium juga adalah tertakluk kepada implikasi kewangan dan kesesuaian bangunan untuk menempatkan bahan-bahan sejarah. Namun begitu, koleksi yang berkaitan juga boleh ditonjolkan di Muzium Tamadun Islam atau Muzium Sabah yang menempatkan kepelbagaian koleksi kepercayaan etnik di Sabah.

Sekian, terima kasih.